

KECAIRAN DALAM PASARAN: FAKTOR KESEIMBANGAN INTERAKSI ANTARA PENAWARAN DAN PERMINTAAN KAJIAN DARI PERSPEKTIF FIQH

DR. MOHD ROFAIZAL BIN IBHRAIM

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
mohdrofaizal@uis.edu.my

DR. MUHAMMAD YOSEF NITEH

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
myosef@uis.edu.my

ABSTRAK

Inflasi seringkali dirujuk sebagai faktor peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara umum dalam suatu ekonomi. Penyusutan kuasa beli wang iaitu keadaan di mana nilai sebenar dalam medium pertukaran dalaman dan unit akaun dalam sesebuah ekonomi dikenal sebagai inflasi. Inflasi berlaku apabila harga barang dan perkhidmatan meningkat pada tahap lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pendapatan. Tulisan ini membincangkan pandangan sarjana Islam mengenai tahap kecairan dalam pasaran yang memberi kesan kepada keseimbangan antara penawaran dan permintaan komoditi di pasaran. Tahap kecairan dalam pasaran seharusnya diseimbangkan dengan permintaan dan penawaran komoditi di pasaran agar interaksi antara permintaan dan penawaran komoditi dalam pasaran sentiasa seimbang. Gangguan terhadap keseimbangan interaksi antara penawaran dan permintaan komoditi di pasaran turut dipengaruhi oleh tahap kecairan. Tahap kecairan dalam pasaran yang tidak seimbang dengan permintaan dan penawaran komoditi boleh menjadi faktor gangguan ekonomi seperti inflasi. Sarjana Islam seperti imam al-Ghazzali, Ibnu Taimiyyah, Ibnu Qayyim, al-Maqrizi dan lain-lain telah membincangkan isu ini dengan menengahkan teori kawalan kecairan di pasaran. Sarjana Islam berpandangan bahawa permintaan terhadap wang perlu disokong oleh permintaan terhadap komoditi di pasaran untuk menjamin kestabilan harga komoditi di pasaran. Idea yang diketengahkan oleh sarjana Islam dalam perkara ini tidak jauh berbeza dari sudut teori dan praktis ekonomi moden. Kajian ini mendapati faktor utama yang menyumbang kepada inflasi ialah keadaan yang mengganggu interaksi antara penawaran dan permintaan komoditi yang turut dipengaruhi oleh kecairan pasaran.

Kata kunci: Inflasi, Penawaran, Permintaan, Komoditi, Kecairan, Pasaran, Fiqh

PENDAHULUAN

Peningkatan harga barangan sering dirujuk kepada inflasi iaitu peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara umum dalam suatu ekonomi (Tobin, 1969). Inflasi ialah penyusutan kuasa beli wang iaitu keadaan di mana nilai sebenar dalam medium pertukaran dalaman dan unit akaun dalam sesebuah ekonomi. Penyusutan kuasa beli wang dikenali sebagai inflasi harga iaitu perubahan di dalam sesuatu indeks harga umum dari semasa ke semasa (Mankiw, 2002). Inflasi harga diukur dengan mengira kadar kenaikan indeks harga yang dirujuk kepada indeks harga pengguna (IHP) iaitu barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh pengguna.

Kadar inflasi akan diperolehi daripada perubahan IHP dari suatu masa ke semasa dalam bentuk peratusan. Penyusutan kuasa beli wang berlaku apabila setiap unit mata wang hanya dapat membeli barangan dan perkhidmatan dalam jumlah yang kurang daripada sebelumnya. Penyusutan kuasa beli wang merupakan kehilangan nilai sebenar dalam medium pertukaran dalaman dan unit akaun dalam sesebuah ekonomi (Mundell 1963). Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi permintaan wang antaranya ialah urus niaga, spekulasi,¹ bangunan, tanah dan sebagainya (Freidman 1956). Apa jua faktor permintaan wang yang diketengahkan oleh para sarjana melalui teori permintaan wang, ianya tetap berkisar mengenai suatu perkara iaitu tujuan memiliki wang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan serta pendekatan induktif dengan mengenalpasti tema-tema utama perbincangan ulama dan sarjana Islam mengenai teori kawalan kecairan pasaran. Regulasi kerajaan dikenalpasti sebagai tema utama dalam diskusi teori kawalan kecairan pasaran.

SOROTAN LITERATUR

Haqiem Nor Azelan (2022) dalam tulisannya Mata Wang Islam: Analisa Menurut Pandangan Sarjana Islam telah merumuskan bahawa mata wang Islam tidak terhad kepada emas dan perak sahaja. Menurut beliau sarjana Islam juga bersepat mata wang berfungsi sebagai alat pertukaran dan pengukur nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan, Salmy Edawati Yaacob (2014) membincangkan tentang fasa perkembangan penggunaan mata wang. Kajian ini menganalisis pandangan sarjana Islam mengenai penggunaan wang kertas dan mata wang dari pandangan Islam. Menurut Ichsan, Muchammad (2020) dalam tajuk kajiannya Konsep Uang Dalam Perspektif Ekonomi Islam, fungsi mata wang hanyalah terbatas sebagai alat pertukaran dalam Islam. Mata wang yang diiktiraf dalam Islam adalah dinar emas dan dirham perak sahaja. Aslam Haneef (2006) dalam kajiannya yang bertajuk *Must money be limited to only gold and silver? A survey of Fiqhi opinions and some implications* telah menganalisis pandangan-pandangan fiqh terhadap penggunaan mata wang. Perbincangan yang dilakukan melihat sama ada mata wang terhad kepada emas dan perak sahaja atau tidak.

Pemikiran Abu Yusuf dalam masalah kewangan publik telah dilakukan oleh Heru Maruta (2013) dalam kajiannya yang bertajuk Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Abu Yusuf. Kajian ini merumuskan bahawa sistem ekonomi yang dikehendaki oleh Abu Yusuf adalah usaha untuk mencapai kemaslahatan umat. Kemaslahatan ini didasarkan pada al-Quran, hadis dan landasan-landasan lainnya. Awaluddin (2017) membahaskan inflasi dari sudut pandang al-Maqrizi. Inflasi menurut al-Maqrizi berlaku kerana dua faktor iaitu alamiah dan inflasi yang disebabkan oleh kesalahan manusia.

INFLASI

¹ Memegang wang untuk menghadapi keadaan ketidakpastian tentang pembayaran yang perlu dibuat.

Inflasi Tolakan Kos

Inflasi tolakan kos berlaku berikutan kenaikan kos pengeluaran yang tinggi. Kenaikan kos pengeluaran ialah kenaikan harga bagi faktor-faktor pengeluaran seperti gaji/upah, bahan mentah dan bahan api. Peningkatan kos faktor pengeluaran akan menyebabkan peningkatan harga barangan. Peningkatan harga akan menyebabkan penurunan dalam tingkat pendapatan benar pengguna. Pendapatan benar ialah pendapatan seseorang atau negara selepas dilaraskan untuk mengambil kira inflasi iaitu dengan menolak inflasi daripada pendapatan nominal. Jika kadar inflasi (peningkatan harga barangan) ialah 10% dan pendapatan nominal ialah RM100 maka setiap barangan yang berharga RM10 kini berharga RM11. Justeru, pendapatan nominal RM100 telah mengalami susut kuasa beli RM 1 bagi setiap barangan yang berharga RM10 sebelum berlaku kenaikan harga kerana kini berharga RM11. Inflasi harga telah menyebabkan pendapatan benar telah turun sebanyak 10%. Pengguna yang sebahagiannya adalah faktor-faktor pengeluaran seperti buruh akan meminta kenaikan gaji untuk menampung peningkatan harga. Sekiranya gaji buruh ini dinaikkan maka pengeluar akan meningkatkan harga mereka dan seterusnya tingkat harga umum akan meningkat sekali lagi. Inflasi harga yang tidak di kawal akan mengganggu interaksi antara penawaran dan permintaan wang di pasaran. Pelarasan ini (iaitu menolak inflasi daripada pendapatan nominal untuk mengekalkan pendapatan benar) adalah perlu untuk mengukuhkan interaksi antara penawaran dan permintaan wang.

Inflasi Tarikan Permintaan

Inflasi dari jenis ini berpunca daripada ketidakseimbangan antara jumlah permintaan dengan jumlah penawaran barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah negara pada sesuatu masa tertentu. Permintaan yang tinggi berbanding dengan penawaran akan mewujudkan inflasi. Pengeluaran perlu ditingkatkan dengan segera untuk menampung permintaan yang tinggi. Namun tingkat pengeluaran sukar dinaikkan dengan segera apabila sesebuah ekonomi mencapai guna tenaga penuh sama ada pasaran buruh atau pembekalan barangan. Guna tenaga ialah ukuran jumlah tenaga buruh yang digunakan oleh sesebuah negara dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan. Guna tenaga penuh ialah kadar pengangguran di sesebuah negara berada pada paras yang rendah. Pengangguran ialah tenaga buruh yang ingin dan sanggup bekerja tapi masih belum mendapat pekerjaan. Kadar pengangguran yang rendah akan menyebabkan kesukaran mendapatkan tenaga buruh tambahan untuk meningkatkan pengeluaran bagi menampung peningkatan permintaan. Peningkatan jumlah permintaan berpunca daripada:

1. Peningkatan tingkat pendapatan

Pendapatan yang tinggi akan meningkatkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan permintaan. Peningkatan pendapatan pengguna berlaku pada ketika ekonomi mengalami pertumbuhan yang tinggi. Menurut teori Keynesian, peningkatan dalam pengeluaran produk domestik akan meningkatkan permintaan pengguna. Apabila jumlah peningkatan permintaan terhadap barangan ini meningkat, sekaligus berlaku kenaikan tingkat harga umum dan permintaan terhadap barangan yang melebihi jumlah maksimum daripada pengeluaran yang biasa dihasilkan oleh buruh, maka wujud jurang inflasi (*Inflationary Gap*) dan menyebabkan berlakunya inflasi. Oleh yang demikian tingkat pendapatan seperti gaji dan upah dalam sesebuah ekonomi perlu diseimbangkan dengan

taburan barangan dan perkhidmatan untuk keseimbangan interaksi antara penawaran wang dan permintaan

2. Peningkatan penawaran wang

Penawaran yang banyak akan menyebabkan lebih bekalan wang di pasaran. Lebih bekalan wang berlaku;

- a) Apabila kerajaan berlebihan dalam melaksanakan perbelanjaan yang menyebabkan pertambahan dalam bekalan wang. Kerajaan memerlukan wang untuk membiayai perbelanjaan yang melebihi kutipan cukai. Oleh itu, kerajaan melakukan pinjaman wang daripada bank yang bererti penambahan wang baru dalam bentuk kredit. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dari pinjaman kredit telah 'menyebarkan' kecairan dalam pasaran. Kecairan yang terlalu tinggi akan meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Sekiranya tidak berlaku pertambahan pengeluaran barangan dan perkhidmatan maka harga barang dan perkhidmatan di pasaran akan meningkat. Jika terlalu banyak wang yang 'mengejar' barangan atau perkhidmatan yang terhad dan sedikit, maka inflasi akan wujud kerana terdapat gangguan **interaksi** antara penawaran dan permintaan. Gangguan yang dimaksudkan ialah **ketidakseimbangan** antara penawaran dan permintaan.

KAWALAN KECAIRAN DALAM PASARAN MENURUT SARJANA ISLAM

Al-Ghazali (2005) menyatakan adanya hubungan antara pencetakan wang dengan institusi perbankan yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah.

'Kemudian timbul lagi keperluan kepada pencetakan mata wang, ukiran dan pengiraan wang. Maka keperluan ini menimbulkan keperluan kepada tempat membuat mata wang dan tempat perbankan (shayarifah).'

Pernyataan ini menunjukkan pandangan imam al-Ghazali mengenai sistem mata wang atau *monetary system*. Keperluan kepada mencetak wang secara berpusat dan terkawal ialah untuk mengawal penawaran wang dalam pasaran atau tahap kecairan pasaran.

Imam al-Ghazali berpandangan bahawa mata wang tidak terhad kepada emas dan perak sahaja serta tidak isyaratkan mempunyai nilai intrinsik. Logam, komoditi ataupun kertas boleh diterima sebagai mata wang sekiranya diiktiraf oleh pemerintah, diterima masyarakat serta mempunyai nilai yang stabil. Ciri-ciri lain mata wang menurut imam al-Ghazzali ialah mudah dibawa, boleh dipecahkan dalam jumlah yang kecil serta sukar untuk dipalsukan (Faiz Mohamed 2016).

Imam al-Ghazali mengemukakan teori kuantiti wang yang bertujuan mengawal jumlah wang atau kecairan dalam pasaran. Jumlah atau kuantiti wang yang berada dalam pasaran perlu diselaraskan dengan jumlah urus niaga dalam pasaran. Jumlah urus niaga ialah jumlah permintaan terhadap mata wang. Oleh yang demikian jumlah urus niaga akan memulakan permintaan terhadap wang yang bermula dengan keinginan untuk memiliki sesuatu dengan adanya kuasa beli. Kuasa beli hanya diperolehi dengan memiliki sejumlah harta dalam bentuk wang. Oleh yang demikian permintaan terhadap wang akan menjadi tinggi ekoran keinginan

untuk memiliki barangan@komoditi yang seterusnya mempengaruhi peningkatan urus niaga kerana permintaan terhadap wang ialah bertujuan untuk mendapatkan barangan lain yang mencetuskan pelbagai urus niaga. Permintaan terhadap wang tidak seharusnya berlaku disebabkan oleh wang itu sendiri sebaliknya untuk melakukan urus niaga mendapatkan barangan lain. Permintaan terhadap wang mencetuskan pelbagai urus niaga dan seterusnya menjadikan barangan bergerak dalam pasaran dan berpindah dari satu pihak ke pihak yang lain.

Setelah khalifah Abdul Malik bin Marwan memegang pemerintahan beliau mula menyelidik mengenai mata wang, timbangan, sukatan. Pada tahun 73 hijrah beliau telah mencetak mata wang emas dan perak serta menetapkan berat satu dinar pada 21 qirath@karat dan dirham pada 15 qirath@karat. 1 qirath@karat bersamaan 0.2 gram iaitu bersamaan 4 biji barli.

Hubungan penawaran wang dengan kadar inflasi telah dikemukakan oleh al-Maqrizi. Al-Maqrizi berpandangan bahawa tahap atau kadar kecairan atau dalam istilah di zamannya iaitu fulus harus sesuai dengan jumlah transaksi yang terjadi untuk menjamin harga yang adil. Awaluddin (2017) dalam tulisannya inflasi dalam perspektif Islam menjelaskan pandangan al-Maqrizi bahawa mata wang yang digunakan bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang mempengaruhi kenaikan harga. Penggunaan mata wang emas dan perak bukanlah satu-satunya penyelesaian kepada masalah inflasi. Tindakan dan dasar kerajaan dalam sesetengah perkara juga boleh menjadi faktor terjadinya inflasi.

Mengenai isu ini, al-Maqrizi turut mengkritik mata wang fulus iaitu tembaga campuran emas dan logam lain. Campuran tersebut menjatuhkan nilai mata wang yang dicetak. Beliau berpendapat bahawa longgokan wang fulus dalam pasaran kerana mudah diperolehi berbanding emas dan perak serta kos yang rendah akan menyebabkan berlakunya inflasi dan menggugat kestabilan ekonomi negara. Pandangan beliau menunjukkan bahawa percetakan wang memerlukan kawalan untuk mengawal tahap kecairan pasaran.

Wang perlu beredar dan berada dalam pasaran bukan disimpan atau beredar dalam kalangan orang-orang tertentu sahaja. Dalam hal ini Ibnu Khaldun (2006) menyatakan "*kekurangan berbelanja mengakibatkan kekurangan perolehan*". Kekurangan atau penyusutan pembelian dan perbelanjaan akan mengakibatkan kekurangan pendapatan kepada peniaga dan juga negara. Antara penyebab kepada penyusutan ini ialah apabila barang-barang keperluan tidak sampai kepada pengguna seperti berkurangnya pengeluaran. Wang yang tersimpan disebabkan oleh kekurangan pengeluaran akan mengganggu interaksi antara penawaran dan permintaan komoditi dalam pasaran. Pandangan Ibnu Khaldun dalam hal ini menunjukkan bahawa tindakan pengguna yang menyimpan wang akan mempengaruhi kecairan dalam pasaran. Situasi ini akan menyebabkan penyusutan permintaan terhadap barangan dan seterusnya mempengaruhi pengeluaran. Pengurangan pengeluaran yang disebabkan oleh penyusutan permintaan akan menyebabkan inflasi.

Ibnu Taimiyyah (1995) berpandangan bahawa lebih mata wang dalam pasaran akan mengganggu nilai pendasar dalam mata wang dan seterusnya mengganggu aktiviti ekonomi. Pandangan beliau memberikan kejelasan bahawa pengeluaran wang perlu diselaraskan dengan nilai transaksi untuk mengelakkan ketidakadilan dalam masyarakat. Pandangan ini

secara tidak langsung menunjukkan hubungan antara kuantiti wang atau kecairan dengan jumlah transaksi iaitu permintaan terhadap wang untuk melakukan transaksi yang memberi kesan kepada tingkat harga (Abdul Azim 1988).

H. Maruta (2013) menjelaskan teori Abu Yusuf berkenaan peranan permintaan dan penawaran dalam penentuan harga barangan. Abu Yusuf berpandangan bahawa peningkatan atau penurunan harga tidak selalunya berhubungan dengan produksi. Terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi kenaikan dan penurunan harga. Antara faktor tersebut ialah tahap kecairan pasaran, permintaan barangan, penimbunan barangan dan beberapa faktor lain.

Permintaan wang untuk transaksi berlaku disebabkan terdapatnya penawaran barangan yang diperlukan. Bagi memastikan kestabilan harga barangan jumlah peredaran mata wang iaitu kecairan mestilah selari dengan jumlah transaksi. Penumpukan wang yang tidak setara dengan jumlah transaksi akan mengganggu kestabilan harga barangan. Kestabilan harga komoditi atau barangan dapat dicapai apabila mata wang yang digunakan adalah terhad penawarannya.

Menjelaskan pandangan sarjana Islam mengenai interaksi antara penawaran dan permintaan yang dipengaruhi oleh kecairan pasaran menemukan bahawa prinsip asas ini dipersetujui oleh ahli ekonomi moden. Cantillon (1968) menjelaskan bahawa tingkah laku agen ekonomi akan berubah dan menyebabkan masalah ekonomi seperti inflasi apabila wang terlalu banyak dalam pasaran.

KESIMPULAN

Tulisan ini merumuskan bahawa banyak atau sedikit penawaran komoditi di pasaran mempengaruhi harga komoditi yang boleh memberi kesan kepada penyusutan nilai wang. Peningkatan dan penyusutan harga komoditi ditentukan oleh tahap kecairan pasaran. Gangguan interaksi antara penawaran dan permintaan barangan oleh kecairan pasaran wang akan menyebabkan inflasi harga. Inflasi berlaku jika terlalu banyak wang yang “mengejar” barangan atau perkhidmatan yang terhad. Tingkat pendapatan seperti gaji dan upah dalam sesebuah ekonomi perlu diseimbangkan dengan taburan barangan dan perkhidmatan untuk menjamin kecairan pasaran. Fenomena inflasi merupakan kesan daripada penyusutan nilai wang dan bukannya faktor yang menyebabkan penyusutan nilai wang berlaku. Kefahaman ini memberi makna bahawa sekiranya mata wang dapat distabilkan, maka inflasi juga dapat dikawal. Teori kecairan wang dalam pasaran yang mempengaruhi tingkat harga komoditi di pasaran telah dibincangkan oleh sarjana Islam sejak sekian lama. Teori ini mirip sistem kawalan mata wang zaman moden.

RUJUKAN

- Abdul Azim Islahi. (1988). *Economic Concepts of Ibn Taimiyah*. Islamic Foundation.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Awaluddin. (2017). Inflasi Dalam Prespektif Islam (Analisis Terhadap Pemikiran Al-Maqrizi). *Jurnal Ilmiah Syari'ah*, Volume 16, Nomor 2, Juli-Desember 2017.
- Barakat, Emad Rafiq dan Haneef, Muhammad Aslam. (2006). Must Money Be Limited to Only Gold and Silver?: A Survey of Fiqhi Opinions and Some Implications. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, Vol. 19, No. 1, 2006.
- Faiz Mohamed Yusof, Joni Tamkin Borhan dan Nurhanani Romlli. (2016). Pemikiran Ekonomi Al Ghazali Dalam Teori Kewangan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3 (2016): 82.
- Maruta, H. (2013). Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Abu Yusuf. *IQTISHADUNA: Jurnal Ilmiah Ekonomi Kita*, 2(2), 607-618.
- Ibn Taymīyah, Ahmad bin 'Abd al-Halīm. (1995). *Majmū'ah al-Fatāwā*. Majma'al-Malik Fahd li Ṭibā'ah al-Muṣhaf al-Syarīf.
- Ibnu Khaldun, Abdul Rahman. (2006). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mundell, Robert A. (1963). Inflation and Real Interest. *Journal of Political Economy* (Chicago), Vol. 71 (June 1963), pp. 280–83.
- N. Gregory Mankiw & Ricardo Reis. (2003). What Measure of Inflation Should a Central Bank Target?. *Journal of the European Economic Association*, MIT Press, Vol. 1(5), pages 1058-1086, 09.
- Suffian Haqiem Nor Azelan. (2022). Mata Wang Islam: Analisa Menurut Pandangan Sarjana Islam. *l-Basirah Journal*, Volume 12, No 2, pp. 107-116, Dis 2022.
- Tobin, James. (1972). Inflation and Unemployment. *The American Economic Review*, Vol. 62, No. 1/2 (Mar. 1, 1972).
- Yaacob, Salmy Edawati. (2014). The ruling of paper money usage: analysis based on the evolution of currency development. *Asian Social Science*10, no. 3 (2014): 91.